

19 JAN 1999

BERIBU-RIBU KUNJUNGI RUMAH TERBUKA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Beribu-ribu orang mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kediaman rasminya "Sri Perdana," di sini, hari ini.

Antara yang paling awal untuk mengucapkan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, "Selamat Hari Raya" ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Beberapa pemimpin parti politik, termasuk Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden MIC yang juga Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan pemimpin pembangkang Lim Kit Siang turut serta untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Perdana Menteri.

Bilangan orang yang datang ke rumah Perdana Menteri begitu ramai sehinggakan ada antara mereka pengsan dalam kesesakan dan terpaksa dibantu oleh sahabat dan anggota keluarga.

Rumah terbuka itu diadakan dari 10 pagi hingga 12.30 petang dan ia diadakan setiap Hari Raya oleh Perdana Menteri dan isteri dengan orang ramai boleh mengunjungi rumah terbuka itu dan menikmati pelbagai juadah Hari Raya.

-- BERNAMA

ES PR